Azhar bin Mohd Apandi lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — RAYUAN JENAYAH NO 41–15 TAHUN 2008
AHMADI ASNAWI PK
10 NOVEMBER 2009

Lalu Lintas Jalan Raya — Kecuaian — Perlanggaran motorkar belakang motosikal — Peruntukan hukuman minima bagi kesalahan memandu motokar dengan berbahaya sehingga menyebabkan kematian — Akta Pengangkutan Jalan 1987 s 41(1)

Perayu disabitkan dengan suatu pertuduhan di bawah s 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana menyebabkan kematian seorang pembonceng motosikal semasa sedang memandu motokarnya. Fakta-fakta kes menunjukkan, antara lain, motokar yang dipandu oleh perayu telah melanggar motosikal yang dinaiki pembonceng dari arah belakang di jalan yang mempunyai had laju 65km/j. Seterusnya, majistret yang bijaksana, berpandukan kepada kerosakan-kerosakan teruk yang dialami oleh kedua-dua kenderan seperti yang terkandung dalam gambar-gambar kejadian merumus bahawa, dalam keadaan jalan luas yang mempunyai dua lorong, tiada sebab perayu melanggar motosikal tersebut dari belakang melainkan perayu cuai dan memandu dengan cara melulu tanpa mengendahkan pengguna-pengguna jalanraya yang lain. Justeru, perayu didapati bersalah seperti pertuduhan tersebut dan dihukum selama empat tahun penjara dan didenda sebanyak RM7,000 dan sekiranya gagal maka dipenjara enam bulan. Perayu memohon agar hukuman tersebut dikurangkan tanpa mengetengahkan faktor-faktor lain bagi menyokong permohonan pengurangan hukuman berkenaan.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Asas yang digunakan oleh majistret yang bijaksana untuk menghukum perayu adalah tepat. Perayu gagal menunjukkan di mana majistret yang bijaksana telah khilaf dalam penggunaan prinsip penghukuman yang digunapakai (lihat perenggan 5).

(2) Peruntukan hukuman penjara minima mengikut s 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah peringatan yang amat jelas dari pihak berkuasa bahawa pesalah-pesalah yang sabit dengan kesalahan seperti yang diperuntukkan tersebut hendaklah dihukum dengan berat. Walau bagaimanapun, hukuman penjara empat tahun tersebut adalah agak tinggi justeru, pengurangan hukuman penjara kepada tiga tahun sahaja (lihat perenggan 10–11).

[English summary

The appellant was convicted for a charge under s 41(1) of the Road Transport Act 1987 for causing the death of a pillion rider, while driving his car. The facts of the case showed, inter alia, the car driven by the appellant collided into the motorcycle on which the pillion rider was riding on from the rear on a road where the speed limit was 65km/h. Further, the learned magistrate, based on the serious damages suffered by both vehicles as shown in the photographs of the incident concluded that, in a situation where the road was wide and with two lanes, the appellant had no reason to collide into the motorcycle from the rear unless the appellant was negligent and had driven recklessly without regard to other road users. Hence, the appellant was found guilty as charged and sentenced to four years imprisonment and fined of RM7,000 and in default six months imprisonment. The appellant appealed for the reduction of the sentence without providing any other mitigating factors to support the said appeal for reduction.

Held, allowing the appeal:

(1) The basis relied upon by the learned magistrate for sentencing was accurate. The appellant had failed to show where did the learned magistrate erred in his application of the applicable principles of sentencing (see para 5).

(2) The minimum sentence of jail pursuant to s 41(1) of the Road Transport Act 1987 is a very clear reminder from the authorities that the offenders convicted with such an offence must be punished severely. Nevertheless, the sentence of four years imprisonment was relatively high hence, the sentence of imprisonment was reduced to only three years (see paras 10–11).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kecuaian secara am, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2008 Reissue) perenggan 277–483.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pengangkutan Jalan 1987 s 41(1)

Perayu mewakili diri sendiri.
Azeezi bin Nordin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmadi Asnawi PK:

[1] Perayu dituduh dengan suatu pertuduhan di bawah s 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana menyebabkan kematian Puan Rozhayati bt

Buang, pembonceng motosikal No JDQ 2809 yang dipandu oleh PW5 ketika memandu motokar No WFC 7176, di Km 20, Jalan Kluang pada jam 6.35 pagi pada 1 Julai 2006. Beliau telah didapati bersalah seperti dipertuduhkan dan telah dihukum selama empat tahun penjara dan didenda sebanyak RM7,000 jika tidak bayar enam bulan penjara.

[2] Kesalahan ini membawa hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari dua tahun penjara dan tidak lebih dari sepuluh tahun penjara dan denda tidak kurang dari RM5,000 dan tidak lebih dari RM20,000.

[3] Di hadapan saya, perayu hanya merayu terhadap hukuman tersebut. Selain daripada memohon agar hukuman tersebut dapat dikurangkan, perayu tidak mengetengahkan faktor-faktor lain bagi menjustifikasikan pengurangan hukuman berkenaan.

[4] Dalam penghakiman di ms 17–18 rekod rayuan ('RR') majistret yang bijaksana telah mengambilkira perkara-perkara berikut ketika menjatuhkan hukuman ke atas perayu:

(a) Kesalahan yang dilakukan adalah serius;

(b) Kes kemalangan maut semakin meningkat akibat pemanduan yang tidak berhemah ini;

(c) Kepentingan awam didahulukan melebihi kepentingan perayu; dan

(d) Mahkamah wajib menyampaikan pengajaran/peringatan kepada orang awam agar lebih berhati-hati ketika memandu dan mengurangkan kelajuan mereka ketika berada di kawasan-kawasan yang berisiko akan berlaku kemalangan seperti di dalam kes ini.

[5] Saya bersetuju sepenuhnya dengan asas yang digunakan oleh majistret yang bijaksana untuk menghukum perayu. Perayu gagal untuk menunjukkan di mana majistret yang bijaksana tersebut telah khilaf dalam penggunaan prinsip penghukuman yang digunakan oleh beliau.

[6] Selain daripada itu fakta-fakta kes menunjukkan bahawa motosikal yang dibonceng oleh si mati sedang bergerak menghala ke Batu Pahat. Demikian juga motokar yang dipandu oleh perayu. Rajah kasar tempat kejadian seperti di ms 65 RR menunjukkan jalan ini mempunyai empat lorong iaitu dua lorong menghala ke Batu Pahat dan dua lorong menghala ke Ayer Hitam. Motokar yang dipandu oleh perayu telah melanggar motosikal tersebut dari belakang. Dalam keadaan jalan luas yang mempunyai dua lorong tersebut, tidak ada sebab untuk perayu melanggar motosikal tersebut dari belakang melainkan beliau cuai dan memandu dengan cara melulu tanpa mengendahkan pengguna-pengguna jalanraya yang lain. Inilah dapatan majistret yang

bijaksana. Maka pemanduan yang seperti ini sewajarnya ditegah dan sekiranya ada orang yang memandu kenderaan dalam keadaan seperti ini maka orang itu hendaklah dihukum dengan keberatan yang setimpal.

[7] Majistret yang bijaksana juga mendapati bahawa perayu telah memandu motokar dalam keadaan yang sungguh laju. Dapatan ini disokong oleh kerosakan-kerosakan teruk yang dialami oleh kedua-dua kenderaan seperti ditunjukkan dalam gambar-gambar kejadian di ms 56–63 RR. Kenderaan perayu terperosok ke dalam parit jauh dari *point of impact*. Demikian juga motosikal yang dipandu oleh PW5. Akibat pelanggaran motosikal tersebut hilang kawalan dan berakhir dengan melanggar sebatang pokok. Kesan tayar D1–D2 dan D3–D4 di ms 65 RR, jika dijumlahkan adalah kira-kira 15 meter panjangnya. PW5 sendiri melambung ke udara sebaik sahaja dilanggar oleh perayu dari belakang.

[8] Fakta-fakta ini menunjukkan betapa lajunya perayu memandu kenderaannya ketika itu. Beliau langsung tidak menghiraukan pengguna jalanraya yang lain. Beliau juga tidak mengendahkan bahawa kawasan tersebut adalah kawasan perkampungan seperti ditunjukkan di ms 65 RR yang mempunyai simpang-simpang kecil masuk ke rumah orang. Beliau juga tidak menghiraukan had laju di kawasan tersebut yang menurut pegawai penyiasat hanyalah 65 kmj.

[9] Sikap perayu yang menjadikan jalanraya sebagai gelanggang untuk bermaharajalela tanpa menghiraukan pengguna-pengguna lain jalanraya dan undang-undang jalanraya khususnya undang-undang had laju merupakan sikap yang amat *selfish* yang amat membahayakan keselamatan orang lain. Sikap pemanduan perayu seperti ini sewajarnya mengundang hukuman yang berat ke atas beliau.

[10] Selanjutnya s 41(1) memperuntukkan hukuman penjara minima tidak kurang dari dua tahun. Ini menunjukkan bahawa pihak *Legislative* amat prihatin dengan sikap dan cara pemanduan pemandu-pemandu kenderaan seperti perayu dan juga gejala pemanduan secara tidak berhemah yang semakin berleluasa. Ini juga adalah sebahagian dari usaha untuk mengurangkan bilangan kemalangan maut yang diakibatkan oleh cara pemanduan secara berbahaya, cuai dan melulu seperti mana cara pemanduan perayu dalam kes ini. Peruntukan hukuman penjara minima tersebut adalah peringatan yang amat jelas dari pihak berkuasa bahawa pesalah-pesalah yang sabit dengan kesalahan seperti yang diperuntukkan tersebut hendaklah dihukum dengan berat.

[11] Walau bagaimanapun saya berpendapat hukuman penjara selama empat tahun tersebut adalah agak tinggi. Dengan itu saya membenarkan

rayuan perayu dengan mengurangkan hukuman pemenjaraan tersebut kepada tempoh tiga tahun sahaja. Ini bukan sahaja untuk menghukum perayu atas kesalahan yang telah dilakukan tetapi juga untuk memberi peringatan kepada pelaku-pelaku lain yang mempunyai niat atau sikap yang sama dengan perayu iaitu memandu dengan keadaan berbahaya dan melulu tanpa menghiraukan keadaan jalanraya, pengguna-pengguna jalanraya yang lain dan undang-undang jalanraya khususnya kelajuan kenderaan yang dipandunya. Di samping itu saya juga mengekalkan hukuman denda yang telah dikenakan tersebut.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Masrifah Ravendran